



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI



PERBINCANGAN MEJA BULAT:

**Menghubungkan Maklumat:
Membina Negara Keusahawanan
Berteraskan Komuniti**

Asia School of Business, Kuala Lumpur | 5 November 2025



KANDUNGAN

Pengenalan

**MENGHUBUNGKAN MAKLUMAT:
MEMBINA NEGARA KEUSAHAWANAN
BERTERASKAN KOMUNITI** 3 - 4

**INOVASI BERTERASKAN KOMUNITI
BERMULA DENGAN EMPATI** 5 - 6

**DARIPADA KEBERGANTUNGAN
KEPADA TANGGUNGJAWAB BERSAMA** 7 - 9

**KETERLIHATAN, DATA DAN JURANG
PERTENGAHAN YANG HILANG** 10 - 12

**NILAI/ETIKA (VALUES) SEBAGAI
MATA WANG KEUSAHAWANAN** 13 - 14


**DATA YANG MEMBINA
KEPERCAYAAN, BUKAN
SEKADAR BUKTI** 15 - 17

**TEKNOLOGI INKLUSIF UNTUK
KOMUNITI LUAR BANDAR** 18 - 19

**DASAR SEBAGAI SISTEM
YANG BERFUNGSI** 20 - 22

REFLEKSI PENUTUP 23 - 24





MENGHUBUNG MAKLUMAT: MEMBINA NEGARA KEUSAHAWANAN BERTERASKAN KOMUNITI



Sesi meja bulat bertajuk *Connecting Dots: Building a Human-Centric Entrepreneurial Nation* menghimpunkan wakil daripada kerajaan, NGO, akademik, dan perusahaan sosial bagi membincangkan satu persoalan penting:

Bagaimana kita boleh membina ekosistem keusahawanan yang berpusat kepada komuniti, bukan sekadar kepada program?

Perbincangan ini diketuai oleh **Profesor Sreevas Sahasranamam** dari University of Glasgow, yang bukan sahaja memberi jawapan, tetapi juga mencetuskan persoalan baharu tentang bagaimana kita memahami pembangunan, kebergantungan, dan pemerkasaan (*empowerment*).



INOVASI BERTERASKAN KOMUNITI BERMULA DENGAN EMPATI

01 INOVASI BERTERASKAN KOMUNITI BERMULA DENGAN EMPATI

“Komuniti di Selatan mungkin tidak pernah menyebut istilah SDG, tetapi nilai yang mereka amalkan sudah pun selari dengan prinsip tersebut”

Profesor Sreevas Sahasranamam

Profesor Sreevas berkongsi mengenai Tonibung, satu perusahaan sosial di Sabah yang mengusahakan sistem mikro hidro untuk membekalkan tenaga elektrik kepada komuniti luar bandar yang sering terputus bekalan.

Kisah ini bukan sekadar tentang teknologi atau polisi, tetapi tentang manusia dan bagaimana inovasi tercetus apabila ia mengambil kira realiti hidup komuniti sendiri.

Menurutnya, ketika negara-negara di dunia utara (*global north*) sibuk bercakap tentang kelestarian, komuniti di dunia selatan (*global south*) sebenarnya telah mengamalkannya setiap hari dalam kehidupan mereka.

Pandangan ini mengingatkan kita bahawa kelestarian bukan sekadar slogan atau dokumen dasar tetapi sesuatu yang diamalkan dalam kehidupan harian, dibentuk oleh keperluan sebenar, ketahanan komuniti, dan penyelesaian yang mereka bangunkan sendiri.



**DARIPADA KEBERGANTUNGAN
KEPADA TANGGUNGJAWAB BERSAMA**

02 DARIPADA KEBERGANTUNGAN KEPADA TANGGUNGJAWAB BERSAMA

Salah satu idea paling bermakna yang dibangkitkan ialah perlunya kita bergerak daripada budaya bergantung kepada bantuan, kepada model di mana komuniti sendiri mempunyai pemilikan dan tanggungjawab bersama.

Melalui contoh Beggars Corporation, sebuah inisiatif yang membantu gelandangan membina semula hidup mereka sehingga mampu menjadi usahawan, Profesor Sreevas menunjukkan bagaimana empati boleh dijadikan sebahagian daripada struktur sebuah sistem, bukan sekadar niat baik.

Dalam model ini, majoriti pegangan saham dimiliki oleh:

51% Individu yang telah berjaya melalui proses pemulihan

Selebihnya dimiliki oleh:

25% Organisasi Induk & **24%** Pelabur Impak



Perkara-perkara lain yang turut dibincangkan:



Perolehan sosial (*social procurement*) boleh memupuk akauntabiliti dengan memindahkan tanggungjawab kepada pihak korporat tetapi ia tidak seharusnya hanya ditanggung oleh mereka sahaja.

NGO perlu berevolusi ke arah model perniagaan yang mampan dan tidak hanya bergantung pada dana jangka pendek.



Pendekatan ini melihat modal luar bukan sebagai bantuan atau derma, tetapi sebagai pelaburan impak yang tetap menekankan tanggungjawab dan akauntabiliti.

“Dalam jangka masa panjang, model kebergantungan akan melemahkan. Perlu lebih banyak galakan dan pemerkasaan agar mereka dapat berdikari”

Profesor Sreevas Sahasranamam



Pendekatan “*venture philanthropy*” gabungan antara pelaburan, pembiayaan dan penyelidikan boleh menyokong impak jangka panjang.

Pendekatan ini mengajak kita untuk berubah daripada mentaliti bantuan kepada mentaliti kerjasama, daripada penderma kepada rakan kongsi dan daripada melihat kelestarian sebagai projek sementara kepada tujuan bersama yang dikongsi semua pihak.

DARIPADA KEBERGANTUNGAN KEPADA TANGGUNGJAWAB BERSAMA 02



KETERLIHATAN, DATA DAN JURANG PERTENGAHAN YANG HILANG



03 KETERLIHATAN, DATA DAN JURANG PERTENGAHAN YANG HILANG

Peserta daripada pelbagai sektor bersetuju bahawa perusahaan sosial dan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) di Malaysia sedang melaksanakan tugas yang sangat berimpak, namun masih kurang mendapat perhatian secara sistematik.

Kisah kejayaan mereka memang menarik, tetapi tiada data yang tersusun.

97% daripada perniagaan di Malaysia dikategorikan sebagai perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) dan sebahagian besar adalah perusahaan mikro. Profesor Sreevas menyifatkan situasi ini sebagai **"jurang pertengahan yang hilang"**.

Beliau mencadangkan institusi seperti INSKEN perlu terlibat dalam program pembangunan untuk usahawan baharu sehinggalah usahawan berskala besar dengan mempersiapkan mereka untuk bersedia membuat inovasi.



Beliau mencadangkan agar institusi seperti INSKEN bergerak daripada penyedia latihan asas kepada pemudah pertumbuhan (*growth enabler*) membantu perusahaan beralih daripada pembangunan keupayaan kepada kesiapsiagaan inovasi. Salah satu cara adalah dengan menggabungkan pengeluaran kecil secara kolektif untuk memenuhi permintaan pasaran yang besar.

KETERLIHATAN, DATA DAN JURANG PERTENGAHAN YANG HILANG 03



Profesor Sreevas Sahasranamam

Beliau turut menekankan kepentingan mewujudkan ekosistem data yang bersepadu dan dikongsi bersama antara kerajaan, akademik, serta sektor swasta bagi meningkatkan penyelarasan dasar, keyakinan pelaburan, dan dasar berasaskan bukti (*evidence-based policy*).



NILAI/ETIKA (VALUES) SEBAGAI MATA WANG KEUSAHAWANAN

04

NILAI/ETIKA (VALUES) SEBAGAI MATA WANG KEUSAHAWANAN

Kelestarian kini telah menjadi bahasa utama dalam dunia perniagaan, satu paradigma baharu yang tidak hanya menilai keuntungan, tetapi juga matlamat dan keterbukaan.

Sebagai contoh, IKEA kini menyepadukan perusahaan sosial dalam rantai bekalnya, membuktikan bahawa keuntungan dan keterangkuman sosial boleh wujud dalam masa yang sama.

Sistem ketelusan produk digital atau Digital Product Passports sedang muncul sebagai alat akauntabiliti baharu di mana setiap produk akan diwajibkan untuk mendedahkan kesan sosial dan alam sekitar, dari proses sumber bahan mentah hingga ke pelupusan akhir.

Profesor Sreevas menegaskan bahawa perkembangan ini akan menjadikan kelestarian sebagai norma, bukan pengecualian.

Mesejnya jelas, kemajuan lebih cepat tercapai apabila kita bergerak daripada persaingan kepada kolaborasi, apabila ilmu dikongsi bukannya dipunyai, dan apabila nilai/etika menjadi mata wang sebenar dalam dunia keusahawanan.

“

Salah satu kenyataan daripada peserta:

“Perusahaan sosial tidak sepatutnya fikir tentang copyright, tetapi tentang copy it right”

”



**DATA YANG MEMBINA KEPERCAYAAN,
BUKAN SEKADAR BUKTI**

05

DATA YANG MEMBINA KEPERCAYAAN, BUKAN SEKADAR BUKTI

“Mesej kecil yang disampaikan secara konsisten dalam tempoh masa yang panjang”

Profesor Sreevas Sahasranamam

Antara dua cabaran utama yang dibangkitkan oleh seorang peserta yang menjalankan latihan/pembangunan kapasiti:



1. Data daripada akar umbi kurang diberi perhatian oleh pembuat polisi.



2. Komuniti luar bandar sukar mengaitkan diri dengan topik besar seperti kecerdasan buatan (AI) atau perubahan iklim kerana fokus mereka masih pada kelangsungan hidup harian.

Profesor Sreevas mencadangkan supaya kita menggunakan **Ujian Kawalan Rawak (RCT)** untuk menunjukkan impak sebenar sesuatu program. Beliau juga menekankan perlunya kita bergerak daripada latihan yang dibuat sekali-sekala kepada **kaedah pembelajaran berterusan yang dipimpin oleh komuniti sendiri.**

Menurutnya, latihan keusahawanan lebih berkesan apabila ia dikendalikan oleh individu tempatan yang dipercayai, dengan sesi yang ringkas tetapi konsisten, berbanding yang hanya dijalankan sekali dan sukar diikuti.

05

DATA YANG MEMBINA KEPERCAYAAN, BUKAN SEKADAR BUKTI

Untuk menutup jurang antara keperluan komuniti dan perancangan dasar, kita memerlukan lebih daripada cerita inspirasi, kita perlukan data yang kukuh dan boleh dipercayai. Data sebegini boleh membantu kerajaan merancang dengan lebih tepat, sambil memberi kuasa kepada komuniti untuk memahami dan membentuk hala tuju mereka sendiri.

Namun untuk mencapai tahap ini, ia memerlukan kerjasama terselaras antara **kerajaan, akademik, sektor swasta dan masyarakat** dan teknologi yang kita ada hari ini sebenarnya sudah membolehkan semua ini berlaku.

Para peserta membincangkan konsep Data Commons satu sistem di mana data diurus di peringkat komuniti, tetapi disatukan secara nasional. Pendekatan ini bukan sahaja melindungi hak masyarakat, tetapi juga meningkatkan ketelusan dan kepercayaan.

Dengan cara ini, data boleh menjadi sumber bersama yang benar-benar memberi manfaat dan memperkasakan komuniti.



Perbincangan turut membawa kepada satu persoalan penting:

Siapa sepatutnya memiliki data yang menentukan keputusan dasar dan pembangunan?



TEKNOLOGI INKLUSIF UNTUK KOMUNITI LUAR BANDAR

06 TEKNOLOGI INKLUSIF UNTUK KOMUNITI LUAR BANDAR

“Mereka tidak perlu tahu bagaimana blockchain berfungsi, mereka hanya perlu tahu cara mengimbas kod QR”

Profesor Sreevas Sahasranamam

Teknologi sebenarnya boleh menjadi jambatan yang menghubungkan pelbagai komuniti.

Profesor Sreevas berkongsi beberapa contoh dari India, di mana penduduk luar bandar mengaplikasikan model kecerdasan buatan (AI) melalui kehidupan harian mereka. Melalui cara ini, mereka bukan sahaja memperoleh pendapatan tambahan, tetapi pada masa yang sama membantu memelihara bahasa dan budaya tempatan.

Beliau juga menerangkan bagaimana penggunaan *blockchain* dalam sektor pertanian telah meningkatkan ketelusan dalam rantaian bekalan tanpa memerlukan petani memahami teknologi tersebut secara mendalam.

Apabila teknologi diperkenalkan secara berperingkat dan dibangunkan mengikut kemampuan komuniti, mereka bukan sahaja menggunakan inovasi tersebut, tetapi juga mampu mencipta dan memiliki hasilnya sendiri.



DASAR SEBAGAI SISTEM YANG BERFUNGSI

07

DASAR SEBAGAI SISTEM YANG BERFUNGSI

Para peserta bersetuju bahawa dasar awam tidak boleh kekal statik. Ia perlu menjadi sistem yang berfungsi:



Mendengar



Berubah



Dibentuk bersama masyarakat

Contoh di Sabah melalui pengalaman Sabah Creative Economy And Innovation Centre (SCENIC) dalam penganjuran Rural Social Enterprise Gathering (RSEG) menunjukkan perkara ini. Pengiktirafan kerajaan negeri hanya datang selepas adanya kerjasama antarabangsa, mengingatkan kita bahawa kolaborasi global kadang-kadang membantu membuka pintu di peringkat tempatan.

Seperti yang disebut salah seorang peserta:

“Kadang-kadang kita perlu mencetuskan provokasi positif dari situlah kemajuan bermula”

07 DASAR SEBAGAI SISTEM YANG BERFUNGSI

Bagaimana akademik boleh berhubung lebih rapat dengan pembuat dasar dan usahawan?



Perbincangan ini juga mencetuskan beberapa soalan penting:

Bagaimana memastikan dasar terus berkembang mengikut keperluan komuniti?



Pengumuman mengenai Anugerah Perusahaan Sosial Malaysia (MySEA) dan kesinambungan dasar SEMy2030 dilihat sebagai perkembangan positif menandakan peralihan daripada fasa normalisasi kepada fasa pemerkasaan, dengan sektor ketiga kini diiktiraf dalam Rancangan Malaysia Ke-13.



08 REFLEKSI PENUTUP



“

Sesi meja bulat ini ditutup dengan satu kenyataan yang sangat bermakna:

“Perubahan sebenar mesti tumbuh dari bawah ke atas”

”

Kekuatan Malaysia bukan hanya pada satu institusi, tetapi pada kehendak kolektif antara kerajaan, NGO dan masyarakat iaitu satu keakraban unik yang boleh menjadi contoh kepada dunia.

Dengan membina kepercayaan, data dan maruah, Malaysia mampu muncul sebagai negara keusahawanan yang benar-benar berpusat kepada komuniti dan hakikatnya, perjalanan ke arah itu sudah pun bermula.

